

'BANJIR TERMENUNG' LANDA 4 KAMPUNG

■ Penduduk bina titi alternatif untuk ke jalan utama

Oleh Siti Nor
Hidayatidayu Razali
sitinor@hmetro.com.my
Rantau Panjang

Penduduk di empat kampung di daerah ini terutama di kawasan rendah mula dilanda banjir sejak tiga hari lalu kesan limpahan air Sungai Golok.

Empat kampung terbabit ialah Tersang, Lachang, Kelawar dan Bongor dinaiki air sedalam 0.5 meter.

Tinjauan Harian Metro mendapati, penduduk membina titi alternatif di depan rumah dan mula menggunakan sampan untuk ke jalan utama.

Penduduk Kampung Tersang, Ismail Salleh, 68, berkata, hujan lebat Jumaat lalu menyebabkan air sungai berdekatan rumahnya melimpah dan memenuhi halaman rumah.

Katanya, setiap tahun keadaan itu pasti berlaku kerana kedudukan kampung itu rendah dan berdekatan sungai Golok.

"Air ini menyebabkan 'banjir termenung' berlaku selama beberapa hari dan ia lebih teruk apabila hujan berterusan.

kerana air tidak naik ke rumah, tetapi kami sekeluarga perlu bersedia menghadapi pelbagai kemungkinan di musim tengkujuh.

"Selepas banjir tahun lalu, saya membina ruang baru lebih tinggi bersebelahan rumah sedia ada dan meletakkan semua barangan

berharga di situ," katanya ketika ditemui semalam.

Suri rumah, Zubaidah Awang Senik, 59, berkata, penduduk sudah biasa berdepan banjir lebih 20 tahun lalu dan menjadikan pengalangan itu untuk sentiasa bersedia.

"Boleh dikatakan semua

rumah akan dinaiki air. Jadi kami perlu membuat persediaan rapi terutama menyelamatkan barang berharga.

"Ini untuk mengelakkan saya daripada menanggung kerugian seperti tahun sebelum ini" katanya.

Sungai Golok catat paras bahaya

Kota Bharu: Sungai Golok dekat Rantau Panjang, di sini, mencatatkan paras bahaya iaitu sembilan meter pada jam 6.30 petang, semalam.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan Shahimi Sharif berkata, kenaikan paras sungai itu, menyebabkan lima kampung berhampiran mula dinaiki air sedalam 0.3 meter iaitu kampung Lanchang, Kelawar, Bendang Nyior, Bonggor dan Padang Pok Atap.

Katanya, Sungai Jenob di Tanah Merah kini menghampiri paras bahaya iaitu 22.08 meter

yang akan menyebabkan beberapa kawasan dinaiki air iaitu Tanah Merah, Kampung Jenob, Nibong dan Kajang.

"Di daerah Pasir Mas, kawasan yang dijangka dinaiki air termasuk Kampung Lubok Stol, Kubang Rambutan, Pekan Rantau Panjang, Pekan Lama Rantau Panjang, Lubok Gong, Tersang, Gual Tok Deh dan Kubang Pak Hitam.

"Kampung terbabit dinaiki air selepas aliran air hujan dari kawasan hulu turun ke kawasan rendah dan berdekatan tebing sungai yang terdedah dengan risiko banjir," ka-

tanya di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya menjangkakan air sungai kembali ke paras waspada dan normal kecuali Sungai Golok apabila tiada hujan direkodkan di semua tempat.

"Kami nasihatkan penduduk di kawasan rendah supaya bersiap sedia berdepan fenomena ini walaupun amaran jingga yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi itu sudah berakhir.

"Kita perlu berwaspada berikutan arigin monsun boleh mengubah cuaca kepada tidak menentu termasuk kembali dilanda hujan lebat," katanya.

ISMAIL mencari ubi sebagai bekalan makanan musim banjir.

